

January 2016



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

7th
ISSUE

info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



UiTM Transformation Program

ISSN 2232-1578



9 772232 157005

Siti Norwatie bt Mawi: MDAB, di Mana Impianku Bermula

Disunting oleh: Ch'ng Looi Chin

Titik permulaan saya di UiTM bermula dari Mac 2011 melalui Program Mengubah Destinasi Anak Bangsa (MDAB). Berminat dalam bidang Sains, MDAB telah membolehkan saya melanjutkan pelajaran saya di aliran sains. Seperti pelajar lain, banyak halangan dan cabaran yang perlu dihadapi sepanjang menjadi seorang pelajar universiti ini. Pertamanya, masalah menyesuaikan diri di tempat baru. Dalam pembelajaran pula, apabila saya tidak faham sesuatu perkara, banyak kali saya rasa putus asa dan tidak mahu berusaha mencari jawapan. Semasa dalam kelas pula, saya cepat hilang fokus.

Tetapi setiap kali sikap mengalah dan lalai ini timbul, saya sentiasa menyedarkan diri betapa untungnyanya saya dapat belajar di UiTM melalui Program MDAB. Semangat inilah yang mendorong saya ke puncak kejayaan pada hari ini. Alhamdulillah, syukur, saya berjaya mengatasinya.



UiTM Ultimate Fun Day



Biology Field Trip ke Gunung Gading dan Pulau Semantan

Walaupun banyak cabaran perlu dihadapi sebagai pelajar universiti, akhirnya saya berjaya sehingga tamat bidang Diploma Sains dengan jayanya. Semua ini berkat dorongan dan nasihat daripada keluarga, terutama sekali kedua ibu bapa saya yang banyak membantu dan meningkatkan semangat saya untuk terus menyambung pelajaran. Bak kata orang, belajar sampai ke negara China, dan jangan berhenti mencari ilmu pengetahuan. Doa ibadat kepada Allah juga jangan dilupakan.



Mendapat Anugerah Dekan adalah saguhati untuk terus berjuang



Pada pendapat saya, sekiranya kita tidak memahami ilmu yang disampaikan oleh pensyarah di kelas, kikis sifat malu dan sila berjumpa dan bertanya kepada para pensyarah mengenai subjek yang tidak dapat difahami. Hormatilah pensyarah kita dan datanglah lebih awal ke kelas sebelum pensyarah tiba. Tumpukan perhatian sepenuhnya apa yang diajar dan salin semua nota-nota penting yang disampaikan.

Selain itu, kawan-kawan juga banyak membantu. Sebagai pelajar, kita patut memanfaatkan masa di hujung minggu untuk mengulangkaji pelajaran dan membuat tugasan dalam kumpulan. Saya lebih suka belajar dalam kumpulan kerana saya rasa lebih senang untuk saya dan kawan-kawan menyoal pelbagai soalan yang kami tidak pasti sesama sendiri. Kalau masih tidak menemui jawapan, kami akan mendapat kepastian dari para pensyarah. Bila ada masa terluang, kami ada juga mengadakan kelas tambahan sendiri bersama pensyarah.

Jadikan kegagalan itu sebagai cabaran. Jangan mudah berputus asa dan jangan jadikan sebagai halangan. Biarlah kita susah dahulu, insya Allah di hujung nanti kita-pasti berjaya.

Saya rasa sangat bersyukur dan bertuah menjadi salah seorang pelajar pra diploma sains MDAB ini apabila dengan keputusan SPM yang tidak memberangsangkan. Biarlah kita bermula dari bawah. Saya rasa sangat beruntung terpilih menjadi pelajar MDAB. MDAB banyak membantu saya dalam apa jua kekurangan yang saya hadapi. Dengan program MDAB, ia banyak memudahkan terutama sekali dalam hal kewangan kerana pelajar MDAB diberikan elaun bulanan. Ia sedikit sebanyak mengurangkan beban dan perbelanjaan keluarga untuk saya. Program ini juga banyak meningkatkan semangat saya untuk belajar walaupun bermula dari peringkat bawah iaitu pra diploma sains.

Setelah 3 tahun setengah menuntut ilmu di UiTM Sarawak, begitu banyak pengalaman dan kenangan yang tidak dapat saya lupakan. Kenangan bersama pensyarah-pensyarah, kawan-kawan dan orang sekeliling yang banyak membantu dalam apa jua situasi. Dari Pra Diploma Sains ke Diploma Sains dan kini, saya sedang mengikuti Sarjana Muda Sains (KIMIA) Kepujian. Alhamdulillah. Terima kasih semua. UiTM sentiasa di hatiku.

Bersama dengan pensyarah-pensyarah Fakulti Sains Gunaan yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan pada bila-bila masa sahaja.



Sekarang bukalah unit baru buku kehidupan saya di peringkat Sarjana Muda Sains (Kimia)





Corporate Communications & International Relations

Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my